

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]**

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa kantin di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Istana Kehakiman, Putrajaya ditutup. Ia telah menyebabkan kesulitan banyak kepada orang ramai dan para peguam.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kafetaria di Bangunan Istana Kehakiman telah ditutup buat sementara waktu bermula selepas kontrak penyewaan pengusaha kafetaria sedia ada tamat pada 31 Januari 2015. Penutupan ini diperlukan untuk memberi masa kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) menguruskan perkara-perkara berikut:
 - i. Melaksanakan urusan pelantikan pengusaha baru bagi mendapatkan pengusaha yang boleh memberikan perkhidmatan berkualiti bersesuaian dengan citarasa pelanggan di Bangunan Istana Kehakiman khususnya para Hakim dan para peguam yang sering berurusan dengan Mahkamah; dan
 - ii. Melaksanakan kerja-kerja pembaikan sivil, elektrikal dan mekanikal yang diperlukan di ruang kafetaria tersebut.
2. Proses pelantikan pengusaha baru sedang giat dijalankan. Kelewatan ini berlaku kerana terdapat 2 pihak yang sebelum ini dirundingi dan dipilih telah menarik diri pada saat-saat akhir atas beberapa sebab tertentu.

Sekian, terima kasih.